



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2020

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020 akan diumumkan pada **10 Jun 2021 (Khamis)** mulai pukul **10.00 pagi**.

Calon sekolah dan calon persendirian boleh membuat semakan keputusan melalui kaedah berikut:

- i. secara dalam talian di portal Lembaga Peperiksaan <http://lp.moe.gov.my> untuk mendapatkan keputusan penuh; dan/atau
- ii. menerusi perkhidmatan **SMS** untuk mendapatkan ringkasan keputusan SPM 2020 dengan menaip **SPM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan **hantar ke 68886**. Perkhidmatan ini akan diaktifkan mulai pukul **10.00 pagi** pada **10 Jun 2021** sehingga pukul **6.00 petang** pada **17 Jun 2021**.

Bagi calon sekolah yang tidak mempunyai capaian internet, pihak sekolah akan mengenalpasti calon tersebut dan memaklumkan kaedah yang sesuai untuk mendapatkan keputusan peperiksaan.

Bagi calon persendirian yang tidak mempunyai capaian internet pula, pihak Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah akan mengenalpasti calon persendirian tersebut dan memaklumkan kaedah yang sesuai untuk mendapatkan keputusan peperiksaan.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT -

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

4 JUN 2021